

14 AUG 1997

Halim-cenderamata (Bergambar)

TIDAK PERLU PEKELILING KHUSUS, KATA HALIM

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Kerajaan tidak perlu mengeluarkan pekeliling khusus berkaitan cenderamata berharga yang harus diisytiharkan oleh kakitangan awam, kerana telah ada peraturan sedia ada berkaitan perkara itu.

Ketua Setiausaha kerajaan Tan Sri Abdul Halim Ali berkata telah jelas kesemua pegawai kerajaan mesti mengisytiharkan sebarang cenderamata berharga yang diterima mereka, bagi mengelakkan salah tanggapan atau dianggap sebagai rasuah.

Abdul Halim menyatakan perkara itu kepada pemberita ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengeluarkan pekeliling khusus berkaitan perkara itu, berikutan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed Sabtu lepas berkata semua cenderamata yang diterima oleh ahli politik dan kakitangan kerajaan harus dihantar ke Perbendaharaan untuk dinilai.

Beliau ditemui selepas melancarkan logo Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHL), sempena hari ulang tahun keenam institusi itu dan Hari Kualiti di sini hari ini.

Abdul Halim berkata buat sementara ini tiada pekeliling khusus seumpama itu, tetapi adalah jelas jika sesiapa menerima cenderamata yang berharga ia harus mengisytiharkannya.

Sementara itu dalam ucapannya, Abdul Halim berkata peranan proaktif Malaysia di peringkat global telah meningkatkan tanggungjawab pegawai diplomat Malaysia.

"Malaysia hari ini dijangka akan menyumbang kepada rundingan dan dialog antarabangsa berkaitan pelbagai isu. Pembentukan diplomat Malaysia memerlukan lebih dari kemahiran berkomunikasi dan pengetahuan pelbagai bidang sahaja," kata beliau.

Abdul Halim berkata penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa asing lain seperti Perancis, Sepanyol, Rusia, China dan Arab adalah penting bagi seseorang diplomat Malaysia.

Sama penting ialah integriti dan nilai-nilai moral yang baik, kata beliau.

"Kesemua sifat-sifat itu mesti dihayati oleh diplomat Malaysia dan diperlukan untuk menghadapi cabaran semasa menjalankan tugas, kata beliau.

Sebagai pengiktirafan kepada pembangunan sumber tenaga manusia negara termasuk latihan diplomat, Abdul Halim menyarankan Kementerian Luar mengambil inisiatif menghantar kakitangan awam menjalani latihan tahunan di pelbagai institusi di dalam negara.

Ketua Pengarah IDFR Ahmad Fuzi Abdul Razak dalam ucapannya berkata jumlah peserta di institut itu telah bertambah dari 119 dalam tahun 1991 kepada 1,471 dalam tahun 1996 dan jumlah program juga telah bertambah dari lima kepada 55, dan jumlah itu dijangka meningkat kepada 71 tahun ini.

Beliau berkata untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan bersesuaian dengan objektif, satu program sarjana dalam bidang strategi dan diplomasi dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 1998.

Institut juga sedang menunggu kelulusan bagi membolehkannya menubuhkan bahagian penyelidikan dan penerbitannya sendiri, beliau menambah kata institut juga mungkin berpindah ke Putrajaya atau lokasi lain yang bersesuaian yang akan diputuskan oleh kerajaan.--BERNAMA

NHD RI